

BAHAGIAN A

SOALAN 1 – FAHAMAN

1. Baca dan fahami cerita di bawah ini. Kemudian senaraikan **LIMA (5)** sahaja **nilai-nilai terpuji** yang boleh kamu dapati daripada cerita tersebut.

Seorang anak yang baik akan sentiasa menjaga nama baik keluarga mereka. Ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab kita sebagai seorang anak yang taat kepada ibu bapa. Kita dilarang membuat perkara-perkara yang tidak diingini seperti merokok, bergaduh, mencuri dan ponteng sekolah. Perkara tersebut boleh menyebabkan ibu bapa kita berasa susah hati dan kecewa. Fikiran ibu bapa kita juga akan terganggu sehingga kesihatan dan tugas harian mereka terjejas. Jangan mudah terpedaya dengan hasutan tidak baik daripada kawan-kawan. Kata dan nasihat ibu bapa mesti didengar kerana mereka lebih tahu apa yang terbaik untuk masa depan kita. Jika tidak mengikut perintah dan nasihat mereka kita dianggap anak derhaka.

Nilai-nilai terpuji yang patut dicontohi ialah:

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

(10 cmarkah)